

04/07/1997

(Laporan BSKL)

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditutup rendah semalam berikutan kegiatan pengambilan untung selepas mencatat kenaikan semalam dengan pengurus dana bertumpu kepada pasaran ekuiti Bangkok untuk membeli balik saham mengikut kadar baru baht.

Pada penutup, Indeks Komposit turun 4.27 mata kepada 1,080.61, Indeks Emas susut 1.29 mata kepada 303.93 dan Indeks Papan Kedua merosot 1.75 mata kepada 564.73.

Arah aliran menurun itu disekat oleh Indeks Perusahaan yang mencatat kenaikan 22.18 mata pada penutup kepada 2,090.11.

Jumlah saham turun melebihi saham naik iaitu 425 berbanding 188 manakala 142 kaunter tidak berubah dan 124 lagi tidak diniagakan.

Jumlah dagangan Papan Utama turun kepada 207.117 juta saham bernilai RM1,079.520 juta daripada 271.139 juta saham bernilai RM1,305.237 juta semalam.

Papan Kedua mencatat dagangan yang membabitkan 50.632 juta saham bernilai RM661.955 juta berbanding 50.140 juta saham bernilai RM654.008 juta semalam.

Jumlah dagangan luar pasaran pula meningkat kepada 38.339 juta saham bernilai RM402.650 juta daripada 31.973 juta saham bernilai RM363.241 juta sebelumnya.

Menurut seorang penganalisis, pengurus dana terus tidak memasuki pasaran kerana ketiadaan insentif baru.

Katanya keputusan Thailand meletakkan baht dalam sistem pengapungan terurus menjadikan saham di Bangkok yang sebelum ini dijual secara besar-besaran, sangat menarik minat pengurus dana terutama berhubung kadar baru mata wang Thai itu.

Pengurus dana juga memberi perhatian kepada pasaran Hong Kong yang menyambung urusan niaganya hari ini selepas bercuti panjang sempena sambutan penyerahan Hong Kong kepada China.

Di peringkat tempatan, walaupun pasaran ditutup rendah, keadaannya bercampur-campur dengan kegiatan penjualan dan pembelian saham mewah oleh pelabur institusi.

Bagaimanapun, sebahagian besar kegiatan itu bertumpu kepada minat runcit dan spekulatif. Kaunter paling cergas ialah Taiping Consolidated, syarikat berasaskan harta, yang meningkat 14 sen kepada RM4.36 dan membabitkan 27.480 juta saham.

Konsortium Perkapalan dan Diperdana memohon agar urusan niaganya digantung untuk sementara waktu. Kegiatan pencari untung juga menyebabkan Transmile ditutup RM1.10 lebih tinggi iaitu kepada RM18.10. Kumpulan perkapalan dan pengangkut kontena itu dikuasai Mirzan Mahathir yang juga pengerusi syarikat penerbangan, Transmile. - Bernama

(END)